



NOTA NOVEL MENENGAH ATAS

SILIR DAKSINA

OLEH : CIKGU KHAIRUL NIZAM OMAR

PLOT CERITA

PERMULAAN

Haiqal menerima sebuah manuskrip daripada pengirim yang tidak dikenali

PERKEMBANGAN

Sinopsis novel ini terus berkembang dengan cerita di dalam manuskrip. Cerita di dalam manuskrip adalah berkisar tentang kehidupan Cikgu Nizam selepas bercerai dengan isterinya. Cikgu Nizam berjuang untuk menghidupkan seni zapin jincat di kampungnya dan meneruskan kehidupannya melawan penyakitnya seorang diri.

PUNCAK/ KLIMAKS

Selepas membaca manuskrip itu, Haiqal berkeinginan ke tanah daksina (Batu Pahat, Johor) untuk mengetahui sejarah hidup ayah kandungnya. Umi membantah hasrat Haiqal untuk ke Johor tetapi Haiqal berkeras juga. Umi mengugut tidak akan memberikan bantuan kewangan kepada Haiqal. Haiqal memberanikan diri untuk ke Batu Pahat seorang diri bagi menjejak sejarah ayah kandungnya

PELERAIAN

Haiqal bercadang untuk menghidupkan semula tarian zapin jincat dan ghazal di Kampung Seri Purnamas. Haiqal dan penduduk kampung bekerjasama untuk menjayakan persembahan zapin dan ghazal. Kehadiran Umi, Walid dan Aisyah menonton persembahannya benar-benar menggembirakan Haiqal. Haiqal menyambung pelajaran di bumi kenyalang.

